

14 AUG 1999

Rusia-Saiz

KELUASAN SAIZ RUSIA SUKAR UNTUK DIBAYANGKAN

Oleh: Azman Ujang

KHABAROVSK (Rusia) 14 Ogos (Bernama) -- Sukar untuk dibayangkan betapa besarnya saiz Rusia.

Tidak dinafikan bahawa ia adalah benua terbesar di dunia. Negara yang begitu luas ini menyebabkan rakyat Malaysia boleh terkejut mendapat tahu terdapat sebuah tasik di Rusia yang saiznya dua pertiga daripada Semenanjung Malaysia.

Walaupun bekas Soviet Union itu telah berpecah, yang membawa kepada pengwujudan Komanwel Negara-negara Merdeka (CIS) seperti republik Islam Uzbekistan, Kazakhstan, Kyrgyzstan dan Turkmenistan, Rusia masih terdiri daripada hampir 100 wilayah dan republik.

Sembilan puluh lapan, jumlah sebenarnya dengan 20 republik autonomi.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melawat dua wilayah seumpama itu selama seminggu, minggu depan, bermula dengan Khabarovsk, sebuah bandar raya dengan 700,000 penduduk di tebing Sungai Amur, di timur jauh Rusia dan ibu negara Khabarovskii.

Oleh kerana masalah jarak dan hubungan udara, sehingga tiada agensi pelancongan di Kuala Lumpur yang bersedia mengaturkan pemergian ke sini, pemberita Malaysia yang, membuat liputan perdana menteri kali ini terpaksa tiba empat hari lebih awal -- terima kasih kepada kakitangan Kedutaan Malaysia di Seoul, Korea Selatan yang membantu membuat tempahan domestik.

Dr Mahathir dijangka tiba di sini lewat Ahad malam untuk lawatan empat hari yang menurut Duta Malaysia ke Rusia Datuk Yahya Baba, lebih kepada "untuk mengenali" daripada lawatan kerja.

Kenapa Khabarovsk, ataupun Buryatia, yang akan dilawati perdana menteri pada 20 Ogos, dua wilayah Rusia yang asing bagi rakyat Malaysia.

Lawatan beliau ke dua tempat ini akan disulami dengan lawatan dua malam ke ibu negara China, Beijing.

Yahya, ketika bercakap kepada pemberita Malaysia di sini pada Jumaat berkata ini merupakan kali pertama Dr Mahathir melawat wilayah Rusia sejak Soviet Union berpecah dan sejak lawatan rasminya ke Moscow pada 1987.

"Sejak itu, para pegawai dari kedua-dua negara telah cuba mengaturkan tarikh yang dipersetujui bersama bagi perdana menteri melakukan satu lagi lawatan ke Moscow tetapi tidak dapat dipenuhi. Jadi pihak Rusia sememangnya mengalu-alukan kedatangan Dr Mahathir ke bahagian Asia Rusia ini pada kali ini," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun sebelum ini pernah melakukan lawatan rasmi ke Uzbekistan, Kazakhstan dan Kyrgyzstan di Asia Tengah.

"Rusia adalah sebahagian daripada Pasifik dan mengambil bahagian dalam proses-proses seperti Apec (Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik), Persidangan Selepas Mesyuarat Peringkat Menteri Asean dan Forum Serantau Asean. Jadi, adalah relevan bagi kita untuk mengetahui bahagian Asia negara Rusia ini. Malaysia mahukann pembabitan Rusia sepenuhnya dalam proses-proses ini," katanya.

Yahya berkata Gabenor Khabarovskii pernah datang ke Malaysia beberapa kali manakala Presiden Buryatia, Leonid Vassilievich Potapov melawat Malaysia bulan lepas.

Buryatia adalah sebuah republik autonomi di wilayah Selatan Tengah Siberia di sepanjang pantai timur Tasik Baikal, yang merupakan tasik terbesar di dunia dengan ukuran kedalamannya lebih satu kilometer.

Tasik Baikal seluas 31,000 kilometer persegi itu dikatakan mengandungi 20 peratus bekalan air tawar dunia dan merupakan dua pertiga daripada saiz

Semenanjung Malaysia (51,000 km persegi).

Agensi Pelancongan Malaysia juga tidak mengendalikan tempahan penerbangan ke Ulan Ude, ibu negara Buryatia yang akan dilawati Dr Mahathir dari 20 hingga 23 Ogos.

Sementara Dr Mahathir akan terbang ke Ulan Ude dari Beijing dengan jet persendirian, anggota rombongannya yang lain, pegawai keselamatan dan beberapa orang pemberita akan terbang ke bandar raya Siberia itu dengan penerbangan yang ditempah khas pergi balik dari Kuala Lumpur.

Tetapi beberapa orang pemberita yang sudah berada di sini untuk membuat liputan bahagian lawatan ke Khabarovsk, memilih untuk pergi ke Ulan Ude dari Khabarovsk, mula-mula dengan menaiki kapal terbang ke Irkutsk, kemudian meneruskan perjalanan melalui darat ke Ulan Ude yang diatitkan dengan bantuan Kedutaan Malaysia di Moscow.

Dan oleh kerana terdapat masalah hubungan udara, kumpulan pemberita ini akan melalui pelbagai pengalaman kerana mereka akan kembali ke Kuala Lumpur dengan terbang ke puncak dunia melalui Moscow melengkapkan tempoh tugas itu selama 16 hari yang dikira sejak ketibaan mereka di sini pada Khamis.

Dalam lawatan itu, duta Malaysia berkenaan berkata perdana menteri berminat memberi tumpuan kepada industri penerbangan di Khabarovskii dan Buryatia, dengan Khabarovskii sedang dalam proses menukarkan industri pesawat pertahanannya kepada membina kapal terbang kargo dan penumpang.

Beliau akan melawat sebuah kilang helikopter di Ulan Ude, ibu negara Buryatia, yang helikopter keluarannya sudahpun digunakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Dr Mahathir juga akan diberikan taklimat mengenai operasi sebuah syarikat Malaysia di sini, Rimbunan Hijau Group.

Rimbunan Hijau yang beribu pejabat di Sarawak, terkenal sebagai sebuah daripada syarikat konsesi pembalakan terbesar di dunia yang beroperasi di Papua New Guinea, Kepulauan Solomon, Amerika Latin, China dan Malaysia, juga merupakan satu-satunya pelabur Malaysia di Rusia, mengendalikan kegiatan pembalakan dan operasi memproses kayu.

--BERNAMA

AU RHM RON